

INDOMEN CAPSULE

Indomethacin (25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan INDOMEN CAPSULE
2. Bagaimana INDOMEN CAPSULE berfungsi
3. Sebelum menggunakan INDOMEN CAPSULE
4. Cara menggunakan INDOMEN CAPSULE
5. Semasa menggunakan INDOMEN CAPSULE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan INDOMEN CAPSULE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan INDOMEN CAPSULE
INDOMEN CAPSULE digunakan untuk *arthritis, reumatisme, arthritis deforman* (penyakit radang sendi) dan jenis keradangan lain.

Bagaimana INDOMEN CAPSULE berfungsi

INDOMEN CAPSULE mengandungi Indomethacin sebagai bahan aktif. Indomethacin tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali *Non-Steroidal Anti-inflammatory Drug (NSAIDs)* yang dapat melegakan kesakitan, mengurangkan demam dan bengkak.

Sebelum Menggunakan INDOMEN CAPSULE

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan INDOMEN CAPSULE:

Jika anda hipersensitif terhadap Indomethacin atau bahan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini. Tanda-tanda alahan mungkin termasuk asma, hidung berair, ruam kulit, muka bengkak. Jika anda fikir anda mengalami alahan, dapatkan nasihat dari doktor anda.

Mengandung dan menyusukan anak

Beritahu doktor anda sebelum menggunakan INDOMEN CAPSULE jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau berhasrat untuk menyusukan anak. Doktor anda akan mempertimbangkan risiko pengambilan INDOMEN CAPSULE terhadap manfaat yang mereka harapkan untuk anda.

-Sebelum menggunakan INDOMEN CAPSULE

Beritahu doktor anda sekiranya anda mempunyai atau telah mempunyai:

- Hipersensitif atau mempunyai alahan terhadap aspirin atau NSAIDs lain.
- masalah buah pinggang;
- masalah pendarahan;
- sawan;
- Penyakit Parkinson;
- gangguan psikiatri;
- penyakit jantung atau strok;
- tekanan darah tinggi;
- pengumpulan cecair;
- ulser, pendarahan atau lubang pada perut atau usus.

Indomethacin boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk, contohnya *exfoliative dermatitis* (sisik pada kulit); *total epidermal necrolysis* (masalah pengelupasan kulit yang teruk), *Steven-Johnson Syndrome*. Simptom termasuk ruam kulit, lepuh dan pengelupasan kulit. Ini boleh menjadi tanda kepada keadaan yang serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan INDOMEN CAPSULE bersama dengan ubat yang lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan INDOMEN TABLET

-Berapa banyak harus digunakan

Dos dewasa biasa ialah 1 kapsul 1-3 kali sehari

Dos permulaan ialah 1 kapsul 1-2 kali sehari dan bertambah kepada 3 kali sehari untuk minggu pertama.

-Bila perlu digunakan

Untuk dos 2 kali sehari, ia perlu diambil 1 kapsul pada waktu pagi dan 1 kapsul sebelum tidur.

-Berapa lama perlu digunakan

INDOMEN CAPSULE perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

Doktor anda akan menetapkan dos terendah yang berkesan untuk tempoh yang paling singkat untuk anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin mengambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan INDOMEN CAPSULE

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu atau menggunakan jentera

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana INDOMEN CAPSULE mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang boleh berlaku adalah seperti gangguan perut dan usus, pening, sakit kepala, kemurungan, mengantuk, tinitus (deringan dalam telinga), kekeliruan, insomnia (gangguan tidur), gangguan psikiatri, pengsan, sawan, koma, *peripheral neuropathy* (masalah saraf), kabur penglihatan, masalah penglihatan, edema (pengumpulan bendalir dalam badan), penambahan berat badan, tekanan darah tinggi, hematuria (darah pada urin), ruam kulit, pruritus, urtikaria (masalah kegatalan pada kulit), radang pada membran mukus mulut, keguguran

rambut dan tindak balas hipersensitif. *Leucopenia* (sel darah putih berkurang), *Purpura* (pendarahan pada permukaan kulit), *thrombocytopenia* (platelet berkurang dalam darah), *aplastic anaemia* (penyakit darah pada sum-sum tulang), *haemolytic anaemia* (pemecahan darah yang tidak normal), *agranulocytosis* (keadaan yang *leucopenia* yang serius), *epistaxis* (pendarahan pada hidung), *hyperglycaemia* (kandungan gula yang tinggi dalam darah), *hyperkalemia* (kandungan potasium yang tinggi dalam darah), pendarahan faraj, hepatitis (radang hati), penyakit kuning dan kegagalan fungsi buah pinggang telah dilaporkan.

Tarikh kemaskini RiMUP :

25/07/2026

Nombor Siri

BPFK(R4/1)220216/00053

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan INDOMEN CAPSULE

-Penyimpanan

Simpan dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 25°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan..

-Pelupusan

INDOMEN CAPSULE perlu dilupuskan apabila doktor menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada doctor anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Kapsul berwarna separuh kuning dan hijau.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Indomethacin

- Bahan tidak aktif

Lactose

Sodium Starch Glycolate

Magnesium Stearate

Pluronic F-68

-Nombor MAL

MAL19940036AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.